



## **TEKS UCAPAN**

**YB TAN SRI TPr ANNUAR HAJI MUSA  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN,  
PERTUKARAN DOKUMEN,  
DAN  
PENYERAHAN INSENTIF SUKAN ATLET WILAYAH PERSEKUTUAN**

**16 JUN 2020 | 9.00 PAGI |  
DEWAN SERI SIANTAN PRESINT 3, PUTRAJAYA**

**BismillahirRahmanirRahim**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera**

***Salutasi (tertakluk kepada perubahan / pengesahan kehadiran):***

**YB. Dato' Sri Dr. Santhara JP**  
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

**YB. Senator Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal**  
Timbalan Menteri Belia dan Sukan

**YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar**  
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

**YBhg. Datuk Dr. Waitchalla R.R.V Suppiah**  
Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan

**YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim**  
Presiden Perbadanan Putrajaya

**YBhg. Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai bin Kassim**  
Naib Canselor Universiti Teknologi MARA

**YBrs. Dr. Hasnul Faizal bin Hushin Amri**  
Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

**Dif-dif Kehormat daripada Asian Football Confideration (AFC),  
ASEAN Football Federation (AFF),  
Football Association of Malaysia (FAM),  
Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM)**

**Rakan-rakan Strategik**

**Rakan-rakan Media**

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

1. Pertamanya marilah kita memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua kita dapat bersama-sama pada pagi ini walaupun kita masih melalui tempoh Perintah Kawalah Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang diibaratkan sebagai fasa '*soft field landing*' ke arah pemulihan daripada krisis pandemik Covid-19 dan juga '*soft field take off*' ke arah pemulihan ekonomi dan melonjakkan semula pembangunan negara secara bertahap.
2. Dalam fasa pemulihan ekonomi ini, amatlah penting untuk projek dan pembangunan negara diteruskan sama ada ianya melibatkan perancangan jangka pendek, sederhana atau pun jangka panjang. Justeru pada pagi ini kita menjayakan beberapa program pembangunan jangka panjang bukan sahaja bagi pembangunan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan khususnya tetapi juga bagi pembangunan belia dan sukan negara amnya.
3. Lebih bermakna lagi, program pada pagi ini melibatkan kerjasama strategik dan persefahaman pelbagai pihak termasuk beberapa kementerian, agensi kerajaan, badan sukan dan institusi pendidikan. Ini adalah selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang dilancar dan dilaksanakan oleh kerajaan sejak tahun 2009.

**Para hadirin sekalian,**

**Putrajaya – Hab Kecemerlangan Sukan**

4. Perancangan dan pembangunan Putrajaya bukan sahaja memfokus kepada fungsinya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan semata-mata tetapi turut merangkumi pembangunan sebuah bandar yang menyeluruh meliputi pelbagai aspek termasuk komersial, pelancongan, sukan, rekreasi, pendidikan dan sebagainya.
5. Dalam Pelan Induk Putrajaya sendiri sememangnya telah memperuntukkan satu kawasan sebagai Presint Sukan dan Rekreasi iaitu di Presint 5 yang menempatkan pelbagai kemudahan sukan dan rekreasi bertaraf dunia dan disokong dengan pelbagai kemudahan termasuk perkhidmatan perhotelan, pusat persidangan serta institusi pendidikan dan latihan bertaraf antarabangsa.
6. Alhamdulillah, sebahagian fasiliti sukan yang siap dibangunkan telahpun berjaya bukan sahaja melahirkan jaguh-jaguh sukan negara di peringkat dunia malah menjadi *venue* bagi penganjuran acara sukan bertaraf antarabangsa. Di antaranya termasuk Pusat Sukan Air Putrajaya bagi acara sukan perairan terbuka seperti *waterski*, *wakeboard* dan kenu; Taman Ekuestrian Putrajaya bagi acara sukan berkuda seperti polo, *show jumping* dan *dressage* dan Taman Cabaran Putrajaya bagi acara sukan lasak seperti *wall climbing*, *skate board* dan *roller blade*.

## **Pembangunan Soccer City**

7. Pada hari ini, kita menyaksikan usaha untuk membangunkan beberapa lagi komponen kemudahan sukan bertaraf dunia ke arah menjadikan Putrajaya sebagai Hab Kecemerlangan Sukan dan di antaranya ialah pembangunan Soccer City.
8. Pembangunan Soccer City ini adalah menerusi kerjasama strategik serta pelaburan oleh tiga badan bola sepak berprestij iaitu *Asian Football Confederation* (AFC), *ASEAN Football Federation* (AFF) dan *Football Association of Malaysia* (FAM) melibatkan pembangunan di atas tanah berkeluasan 42.43 ekar di Presint 5. Antara lain, projek ini melibatkan pembangunan sebuah stadium bola sepak baharu milik AFC, ibu pejabat AFF, ibu pejabat FAM beserta pusat latihan bola sepak kebangsaan bagi kegunaan pemain senior dan junior kebangsaan, serta pelbagai kemudahan sukan bertaraf dunia.
9. Bola sepak adalah sukan nombor satu dunia yang sentiasa berkembang dan menarik perhatian bukan sahaja dalam aspek kesukanan tetapi juga menyokong secara langsung kepada aspek perpaduan, komersial dan pelancongan dunia. Justeru, dengan pembangunan Soccer City di Putrajaya apatah lagi dengan penglibatan tiga badan bola sepak berprestij dan bertaraf dunia ini, insyaAllah akan memberi nilai tambah kepada Putrajaya dalam aspek sosial dan ekonomi termasuk pembangunan sukan, komersial, pelancongan sukan dan pembangunan komuniti Putrajaya sendiri.

**Para hadiri sekalian,**

**Putrajaya Bandar Mesra Belia**

10. Sejak awal perancangan Putrajaya lagi sememangnya sudah terdapat banyak kemudahan yang dirancang untuk para belia bagi menjadikan Putrajaya sebagai sebuah bandar *vibrant* pada waktu siang dan malam dengan berorientasikan aktiviti sukan dan rekreasi.
11. Bagi melengkapkan lagi komponen ke arah menjadikan Putrajaya Bandar Mesra Belia dan Hab Kecemerlangan Sukan, Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan membangunkan **Stadium Ragbi Nasional** di Presint 13 di atas tanah seluas 16 ekar yang akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan latihan dan pertandingan berkapasiti 5,000 orang penonton.
12. Di samping itu, PPj dan KBS juga akan bekerjasama dalam membangunkan empat (4) **padang bola sepak komuniti** di atas tanah seluas 16 ekar di Presint 5 yang boleh digunakan oleh komuniti khususnya golongan belia di Putrajaya. Dengan adanya tambahan padang bola sepak komuniti ini akan dapat menampung permintaan yang tinggi terhadap padang bola sepak sedia ada termasuk di Stadium Taman Pancarona Presint 14 dan padang bola sintetik di Presint 8.

**Para hadiri sekalian,**

**Pembinaan Kompleks Sukan MSWP**

13. Tidak dinafikan, dalam usaha ke arah menyediakan atlet dan pasukan yang mantap, fasiliti dan kemudahan sukan amat perlu dititik beratkan. Semasa sesi taklimat awal Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) kepada saya, salah satu isu yang dibangkitkan adalah ketiadaan fasiliti dan kemudahan sukan milik MSWP secara khusus. Atlet-atlet Wilayah Persekutuan (WIPERS) menjalani latihan di fasiliti dan kemudahan sukan milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Stadium Malaysia dan syarikat swasta.
14. Justeru itu, melalui kerjasama yang dijalankan, PPj telah bersetuju untuk memberikan MSWP sebidang tanah di Presint 13 bagi merancang pembinaan Kompleks Sukan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Kompleks Sukan ini akan dilengkapi dengan asrama atlet, padang bola sepak, dewan pelbagai guna, padang lawn bowl dan sebagainya. Ia akan mampu menampung lebih 200 atlet sepenuh masa dan memberi manfaat kepada lebih 5,000 komuniti sekitarnya.
15. Saya menyokong penuh projek pembangunan Kompleks Sukan ini yang dimaklumkan telah dipohon dalam Rancangan Malaysia ke-12. InsyaAllah dengan adanya Kompleks Sukan ini nanti akan dapat melahirkan lebih ramai atlet yang cemerlang baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa.

**Para hadiri sekalian,**

**Memorandum Persefahaman MSWP dan UM UiTM**

16. Sememangnya aspek pembangunan sukan merupakan salah satu elemen penting dalam pembentukan sosial yang sihat terutama kepada generasi muda dan belia ketika ini.
17. Justeru, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui MSWP telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha membangunkan sukan di peringkat Wilayah Persekutuan. Ini termasuk menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak khususnya Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.
18. Usaha-usaha ini mampu memberi impak besar dan berterusan terutama dalam pendidikan atlet selain membuka peluang kajian serta penyelidikan berkaitan sukan. Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MSWP dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaya (UM) yang akan dimeterai sebentar nanti adalah simbolik kepada kerjasama yang lebih utuh pada masa hadapan.
19. Saya difahamkan melalui kerjasama ini akan turut memberi peluang kepada atlet-atlet WIPERS untuk melanjutkan pengajian melalui laluan khas sebagai atlet. Ini merupakan perkara yang baik dimana atlet WIPERS dapat terus menyambung pengajian di IPTA dan dalam masa sama kekal cemerlang dalam sukan diceburi.

## **Pemberian Insentif Atlet WIPERS Sukan SEA Filipina**

20. Seperti mana semua sedia maklum, temasya Sukan SEA ke-30 di Filipina tahun lalu, Kontinjen Malaysia telah berjaya membawa pulang 184 pingat dengan pungutan 55 pingat Emas, 58 Perak dan 71 Gangsa sekali gus berada di kedudukan kelima.
21. Daripada jumlah tersebut, atlet Wilayah Persekutuan berjaya menyumbang 23 pingat Emas, 11 pingat Perak dan 15 pingat Gangsa menerusi sukan Akuatik Terjun, Gimrama, Wushu, E-Sport, Tenpin Bowling dan lain-lain. Ini merupakan pencapaian yang baik dan diharapkan atlet-atlet dari Wilayah Persekutuan akan terus menyumbang pingat di kejohanan peringkat antarabangsa.
22. Justeru itu, atas dedikasi dan prestasi cemerlang, saya memutuskan pemberian insentif sebanyak RM93,700 diberikan kepada atlet WIPERS yang telah mengharumkan nama Wilayah Persekutuan di peringkat antarabangsa. Ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan Kementerian Wilayah Persekutuan kepada saudara dan saudari atas pencapaian tersebut. Tahniah diucapkan.

**Para hadiri sekalian,**

## **Penutup**

23. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kerjasama strategik ke arah pembangunan jangka panjang komponen sukan di Putrajaya dan atlet Wiayah Persekutuan.
24. Saya percaya, menerusi Memorandum Persefahaman dan Pertukaran Dokumen yang akan dimetrai pada hari ini akan dapat memberi pelbagai manfaat jangka panjang antaranya;
  - a. Perkongsian kepakaran;
  - b. Kemudahan dan fasiliti;
  - c. Penempatan latihan industri;
  - d. Khidmat jurulatih & pengadil;
  - e. Khidmat perundingan;
  - f. Pendidikan dan Pengajian Tinggi;
  - g. Tajaan, dana, sumbangan dan biasiswa;
  - h. Penganjuran klinik sukan, latihan, kursus ceramah, bengkel, seminar dan pelbagai aktiviti lain.
25. Lebih penting lagi, segala usaha yang dilaksanakan ini bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan khasnya tetapi juga kepada pembangunan negara amnya.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh